



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

PROGRAM

LAWATAN TURUN PADANG

DI LAMAN WANITA TASEK GELUGOR, PULAU PINANG

LOKASI / TARIKH / MASA

LAMAN WANITA TASEK GELUGOR, PULAU PINANG

5 MAC 2022 (AHAD) / 9:30 PAGI – 12:00 TENGAH HARI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Malaysia Madani

SALUTASI

LAMPIRAN SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana pada hari ini, kita dapat bersama-sama bertemu dan berkumpul dalam **Program Lawatan Turun Padang di Laman Wanita (LaWa) Tasek Gelugor, Pulau Pinang** anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).
2. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini kerana sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan **memberikan semangat kepada mereka yang berusaha untuk meneruskan agenda pemerkasaan wanita.**

(B) LAMAN WANITA DAN KASIH WANITA

Para hadirin yang saya muliakan,

3. LaWa merupakan **pusat aktiviti setempat** yang menawarkan **pelbagai program dan aktiviti pemerkasaan wanita melalui aspek peningkatan kemahiran asas**. LaWa juga memberi **pendedahan kepada ilmu psiko pendidikan** yang merupakan elemen penting dari sudut pembangunan kapasiti wanita dan pengukuhan kesejahteraan wanita.
4. Di samping itu, melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan di LaWa, wanita dapat mengenal pasti **bakat dan potensi** yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.
5. LaWa juga berperanan sebagai **pusat setempat** yang membolehkan wanita mewujudkan **jaringan sosial dan pusat maklumat** asas mengenai pelbagai isu wanita. Kesemua program dan aktiviti ini menyokong aspirasi

pemeriksaan Wanita dan merangkumi aspek ekonomi, kesejahteraan, keselamatan serta kepimpinan Wanita.

6. Untuk makluman semua, **Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021** menunjukkan Malaysia berada pada skor **6.48 daripada 10**. Indeks ini **mengukur penilaian tahap kebahagiaan** rakyat Malaysia. Semakin tinggi nilai skor diperoleh, semakin baik tahap kebahagiaan rakyat. Indeks ini mengambil kira pelbagai aspek dan salah satunya adalah dari **sudut kestabilan ekonomi**. Keputusan indeks yang pertama kali diterbitkan pada tahun 2021 ini menunjukkan **komponen pendapatan menyumbang kepada skor terendah**.
7. **Pengurusan ekonomi yang kurang efisien** menyumbang kepada masalah seperti pengabaian tanggungjawab berkaitan nafkah, pendidikan anak-anak, hutang yang tinggi dan sebagainya.
8. Sehubungan itu, saya yakin inisiatif LaWa dapat meningkatkan penyertaan wanita melalui penyediaan

program kemahiran bagi membantu **wanita menjana pendapatan diri dan juga untuk keluarga.**

9. Penglibatan dalam aktiviti ekonomi ini dapat membantu **meningkatkan skor** Indeks Kebahagiaan Rakyat di samping membantu negara **meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh.** Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh masih rendah dengan kadar pertumbuhan yang perlahan iaitu hanya peningkatan 0.2% dari tahun 2020 kepada 55.5% pada tahun 2021. Peningkatan penyertaan ini dijangka dapat terus berlaku apabila persekitaran yang kondusif dan mesra wanita disediakan.
10. Konsep LaWa merupakan **satu bentuk pemerksaan komuniti (community-based empowerment)** yang mana dengan pelaksanaan program di LaWa **menggalakkan penyertaan individu dalam aktiviti-program dan aktiviti yang dijalankan.** Secara tidak langsung, ianya mengukuh serta memperkasa jaringan kerjasama dalam masyarakat yang **saling memberi**

sokongan kepada satu sama lain. Komuniti ini juga dapat terus proaktif dalam **memajukan diri dan komuniti tanpa bergantung kepada Kerajaan.**

(C) KEJAYAAN LAWA DALAM MEMPERKASA WANITA

Para hadirin yang saya muliakan,

11. Secara keseluruhan, JPW mempunyai **14 buah LaWa di tujuh (7) negeri** iaitu Pulau Pinang, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan serta Wilayah Persekutuan Labuan. Secara khususnya di Pulau Pinang ini terdapat **lima (5) buah LaWa** iaitu **Bukit Bendera, Bukit Mertajam, Kepala Batas, Tasek Gelugor** dan **Nibong Tebal.**

12. Bagi tahun 2022 sehingga Februari 2023, sebanyak **212 program telah dianjurkan di LaWa** dan program-program yang dianjurkan ini sentiasa **mendapat sambutan yang sangat baik daripada komuniti** yang turut terdiri daripada ibu tunggal serta suri rumah. Antara program yang telah dianjurkan termasuk

program **kemahiran industri makanan** seperti produk pastri, penghasilan biskut dan kuih tradisional yang pastinya membantu peserta menjana pendapatan. Terdapat juga program **seni jahitan pakaian serta jahitan kreatif** yang juga membantu peserta menjana pendapatan.

13. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui program dan aktiviti di LaWa, hasilnya terdapat peserta LaWa yang **telah menjadi usahawan dan mempunyai perniagaan sendiri**. Contohnya **Puan Halipah binti Yusop**, seorang bekas jurutera dan merupakan antara peserta terawal mengikuti program di LaWa dan kini seorang usahawan berjaya yang mempunyai perusahaan Pau Frozen. Produk Pau Frozen beliau **telah dipasarkan di dalam dan luar negara (Singapura)**.
14. Seorang lagi contoh peserta yang berjaya adalah **Puan Azirah binti Che Pa**. Beliau sentiasa mengikuti program **kelas jahitan** dan mempunyai butik serta bengkel telekung sendiri hasil daripada minat dan keazamannya untuk memperbaiki ekonomi keluarga.

15. Bengkel beliau juga telah **membuka peluang pekerjaan kepada ibu tunggal dan suri rumah yang berminat untuk bekerja secara sambilan dalam membantu menjana pendapatan mereka.**
16. Seterusnya, **Puan Fadilah Binti Mohamad** juga seorang peserta LaWa yang mempunyai bengkel perusahaan batik dan pelbagai lagi produk kraf kreatif yang mana ilmu dan minat tersebut diperolehi dari program-program yang dianjurkan oleh LaWa.
17. Terdapat juga program dan aktiviti yang dilaksanakan melalui **kolaborasi strategik** bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, (KWSP), agensi – agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mana kerjasama sebegini dapat **meningkatkan keberkesanan dan memperluaskan kebolehcapaian perkhidmatan kepada wanita.**

Para hadirin yang saya muliakan,

18. Wanita merangkumi separuh daripada populasi di negara kita dan perlu diambil kira dari segi penglibatan dalam pembangunan negara. Justeru **mengetahui hak dan perundangan adalah elemen yang penting untuk memartabatkan lagi peranan wanita.**

19. Bagi memenuhi keperluan ini juga, LaWa turut menganjurkan program advokasi dan kesedaran merangkumi pelbagai aspek seperti menangani keganasan dan diskriminasi terhadap wanita antaranya antigangguan seksual, literasi perundangan dan hak wanita serta meningkatkan daya tahan dan psikologi wanita. Dengan perkongsian maklumat di LaWa juga, para peserta dapat melaksanakan peranan masing-masing dalam komuniti dengan menghebahkan pula maklumat yang diperolehi kepada keluarga, kejiranan serta masyarakat setempat.

(D) HARAPAN

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru agar wanita terus mengambil langkah proaktif dan **memanfaatkan sepenuhnya LaWa dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif pemerkasaan wanita.** Ini juga bagi memastikan golongan wanita berjaya berdikari dan **mengurangkan kebergantungan kepada orang lain** bagi tujuan kelangsungan hidup, mengetahui hak-hak wanita serta mendayaupayakan potensi agar mampu bangkit mengatasi cabaran dalam mengubah kehidupan.

21. Saya juga ingin merakamkan **ucapan syabas dan penghargaan** kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program-program pemerkasaan wanita sehingga kini.

22. Semoga Laman Wanita akan **terus melakar kejayaan serta terus menyumbang kepada impak positif** dalam usaha memperkasakan wanita. Dengan kejayaan ini, kita boleh **menjayakan agenda Malaysia MADANI** yang

menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.